



## PERUTUSAN DATUK BANDAR

### MESYUARAT MAJLIS BIL. 9/2024

**30 SEPTEMBER 2024 (26 RABI'UL AWWAL 1446H)**

#### **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysia MADANI dan Salam Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia.

1. Alhamdulillah, saya menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama dalam Mesyuarat Majlis pada hari ini.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Datuk Bandar, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan seluruh warga kerja MBPJ serta masyarakat Petaling Jaya di atas sokongan, sumbangan idea, pendapat dan penyertaan dalam semua aktiviti program yang dianjurkan Majlis.

Hadis riwayat sahih Bukhari dan Muslim yang disabdakan Baginda Rasulullah SAW:

**“Setiap dari kamu adalah pemimpin, dan setiap dari kamu bertanggungjawab atas kepemimpinannya”.**

Hadis ini mengingatkan kita mengenai tanggungjawab individu dalam kepimpinan. Setiap orang, tidak kira kedudukannya, mempunyai tanggungjawab terhadap amanah yang diberikan. Sama ada dalam keluarga, masyarakat atau pekerjaan mesti bertindak dengan integriti dan mengambil kira kesan tindakannya terhadap orang lain.

## **2. BAJET MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA 2025**

Proses Penyediaan Bajet MBPJ 2025 telah bermula sejak Jun 2024 dengan mendapatkan input penduduk melalui atas talian dan cadangan bajet oleh Jabatan/Unit dan Majlis turut melaksanakan libat urus bersama penduduk melalui sesi *Town Hall* Bajet 2025 pada 20 Julai.

Sesi bersama Jabatan/Unit telah diadakan 3 kali melibatkan semakan teliti ke atas permohonan peruntukan dan juga projek-projek yang akan dilaksanakan. Sesi bersama Ahli Majlis telah diadakan pada 12 sehingga 14 September di Melaka. Manakala sesi bersama Ahli Dewan Negeri (ADN) Petaling Jaya telah di adakan pada 18 September.

Proses berikutnya melibatkan sesi Rumusan Bajet 2025 bersama Pengurusan Tertinggi dan Ketua Jabatan pada 2 Oktober 2024, Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Khas (Bajet 2025) pada 9 Oktober

2024 dan yang terakhirnya diadakan Mesyuarat Majlis Khas (Bajet 2025) yang akan diadakan pada 22 Oktober 2024 sebelum draf ini dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk kelulusan. Majlis menerima 321 cadangan daripada input atas talian dan sesi *Townhall* Bajet 2025 melibatkan 5 tajuk utama seperti berikut :

<b>:Bil.</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Bil. Cadangan</b>
1	Alam Sekitar dan Kesihatan	80
2	Pengurusan Bandar Selamat dan Bebas Halangan	117
3	Ekonomi / Hasil PBT	37
4	Sosial	67
5	Pengurusan Bandar Digital	20

Berdasarkan kepada input yang diterima berikut cadangan yang tertinggi:

<b>Bil.</b>	<b>Cadangan Permohonan</b>	<b>Bil. Cadangan</b>
1	Pembaikan Jalan Raya	31
2	Pejalan Kaki Berbumbung	24
3	Pemasangan CCTV	21
4	Kemudahan Dewan Komuniti	14
5	Kemudahan Tempat Letak Kereta	14
6	Kemudahan Tong Sampah / Kebuk Sampah	12
7	Gelanggang Berbumbung	11
8	Pembaikan Longkang	11
9	Tambahan Gerai Penjaja	11
10	Pemasangan Lampu Isyarat	10

Berdasarkan input yang diterima sepanjang sesi libat urus ini, Majlis sedaya upaya berusaha menyantuni cadangan daripada semua pihak bagi memastikan kelestarian, kesejahteraan dan keharmonian buat masyarakat Petaling Jaya.

### **3. PENILAIAN SEMULA CUKAI TAKSIRAN**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengadakan sesi pendengaran bantahan terhadap Nilai Baru Majlis pada 14 Ogos 2024 hingga 10 September 2024 bertempat di Dewan Sivik MBPJ. Sesi berlangsung 10 hari melibatkan 19 sesi pendengaran bantahan yang dilaksanakan secara berperingkat mengikut kawasan dan zon Ahli Majlis.

Sepanjang sesi tersebut, seramai 26,300 pembantah / pemilik harta telah dijemput daripada 280,045 pegangan harta keseluruhan di kawasan MBPJ. Daripada jumlah tersebut, seramai 5,290 orang pembantah/pemilik harta yang telah hadir atau mewakili 20.11 peratus daripada jumlah keseluruhan jemputan pembantah yang dikeluarkan.

Sesi pendengaran bantahan tersebut telah selesai dilaksanakan dengan jayanya dan segala input yang diperolehi akan diangkat untuk pertimbangan akhir Kerajaan Negeri.

Mewakili Majlis Bandaraya Petaling Jaya, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan,

Pegawai, wakil-wakil jabatan, petugas-petugas sesi bantahan dan seluruh warga kerja MBPJ atas usaha, sokongan padu dan komitmen yang ditunjukkan bagi menjayakan sesi pendengaran bantahan dari peringkat awal penyediaan senarai nilai, pewartaan, pengeluaran notis sehinggalah panggilan dan sesi pendengaran bantahan dijalankan.

#### 4. **KEMPEN JOM BAHARUI LESEN PERNIAGAN TAHUN 2025**

Bagi tahun 2025, sebanyak **30,722 lesen perniagaan akan diperbaharui** oleh pemegang lesen tred dan usahawan mikro. Pembaharuan lesen ini boleh dilaksanakan mulai 1 Oktober 2024. Kegagalan pemegang lesen memperbaharui lesen mulai 1 Oktober 2024 hingga 31 Disember 2024 akan dikenakan caj pemrosesan seperti berikut :

<b>Bil.</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Caj Proses</b>
1	1 Januari – 31 Mac	RM 50.00
2	1 April – 30 Jun	RM 250.00
3	Mulai 1 Julai	Lesen dibatalkan

Pembaharuan lesen perniagaan ini boleh dibuat melalui kaunter-kaunter Majlis iaitu **kaunter Ibu Pejabat MBPJ, kaunter Cawangan Petaling Jaya Utara di Kota Damansara, kaunter Menara MBPJ, kios-kios (Lobi Ibu Pejabat, Lobi Menara MBPJ, Lobi Pejabat Cawangan, Kaunter Pandu Lalu, Pasar Jalan Othman, Pasar PJKita SD5)** dan juga secara dalam talian.

Bagi mencapai objektif kempen Jom Baharui Lesen Perniagaan tahun 2025, MBPJ juga menyediakan inisiatif kaunter bergerak untuk lesen perniagaan tred dan usahawan mikro di lokasi-lokasi seperti pusat beli-belah dan lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai sepeti berikut :

<b>Bil.</b>	<b>Pusat Beli-Belah</b>	<b>Tarikh Kaunter</b>
1	1 Utama Shopping Centre	2-3 November 2024
2	Starling Mall	5-6 Disember 2024
3	Amcorp Mall	30-31 Disember 2024

<b>Bil.</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Tarikh Kaunter</b>
1	Pasar Malam SS 2/60,SS 2/61	4/11/2024
2	Pasar Malam Taman Medan PJS 2D	6/11/2024
3	Jalan TSB 9	12/11/2024
4	Pasar Malam SS 2, Chow Yang	14/11/2024
5	Pasar Pagi SS 2/62	19/11/2024
6	Pasar Malam Damansara Damai	22/11/2024
7	Pasar Awam Jalan Othman	26/11/2024
8	Pasar Awam Jalan Othman	27/11/2024
9	Pasar Malam SS8,Sg Way	2/12/2024
10	Pasar Tani Seksyen 3, Kota Damansara	8/12/2024
11	Pasar Malam Sunway Mentari PJS 8	18/12/2024
12	Pasar Tani Seksyen 17/1A	19/12/2024
13	Pasar Tani Kelana Jaya	28/12/2024

Bagi mereka yang menggunakan perkhidmatan kios yang disediakan ini, pemegang lesen boleh terus membuat bayaran dan mencetak lesen mereka sendiri. Sejak dilancarkan pada Oktober 2023, sebanyak **483 lesen telah dicetak di kios**. Namun bagi pembaharuan lesen usahawan mikro, hanya bayaran sahaja boleh dijelaskan secara dalam talian atau di kios. Lesen boleh diambil di kaunter-kaunter kerana Majlis melaksanakan sistem *thumbprint* bagi mengenalpasti peniaga berniaga sendiri ataupun sebaliknya.

Berikut adalah trend pemilihan transaksi bayaran yang dipilih oleh pemegang lesen bagi menjelaskan bayaran lesen. Daripada jadual tersebut dapat dilihat terdapat peningkatan yang ketara bagi bayaran lesen melalui atas talian dari tahun 2021 hingga tahun 2023 iaitu **18,898 ke 25,458 transaksi** :

Kaedah Bayaran	Bil.	2023	Bil.	2022	Bil.	2021
		(RM)		(RM)		(RM)
Kaunter	12,192	11,165,170	13,948	15,747,804	12,946	17,917,837
Atas Talian	25,458	18,902,439	21,693	14,547,089	18,898	9,390,927
Kios	726	400,355	677	300,311	970	730,027
<b>Jumlah</b>	<b>38,376</b>	<b>30,467,963</b>	<b>36,318</b>	<b>30,595,205</b>	<b>32,814</b>	<b>28,038,791</b>

## 5. TREND KUTIPAN HASIL LESEN

Sehingga 20 September 2024, Majlis telah mengutip hasil pelesenan sebanyak **RM14,927,563**. Sekiranya dibandingkan dengan tahun 2023, hasil pelesenan telah menunjukkan penurunan sebanyak **RM471,926**.

Faktor pengurangan kutipan ini adalah disebabkan notis pelanjutan Kebenaran Merancang (KM) 2024 lambat dikeluarkan kerana isu pertindihan kuasa bagi struktur iklan di dalam kawasan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Perkara ini sekaligus menyebabkan kelewatan pemegang lesen iklan luaran untuk memperbaharui lesen iklan mereka.

Namun demikian mulai Jun 2024, pemegang lesen iklan luaran telah mula membuat bayaran bagi pembaharuan lesen mereka. Daripada sasaran kutipan hasil sebanyak **RM8,904,452**, sebanyak **RM5,735,167** hasil lesen iklan luaran telah dikutip.

Manakala dari bakinya sebanyak **RM3,169,285**, sejumlah **RM306,350** tidak dapat dikutip kerana telah dibatalkan lesen. **RM644,850** sedang di dalam proses pembayaran secara berperingkat dan bakinya sebanyak **RM2,218,085** telah dikeluarkan **Notis Peringatan 2 Peratus** untuk memperbaharui lesen iklan luaran mereka.



## 6. PENGAUDITAN MSOSH AWARD 2024 DARIPADA MALAYSIAN SOCIETY OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (MSOSH)

Sesi Pengauditan bagi MSOSH Award 2024 telah dilaksanakan pada 19 September 2024. Panel penilai pematuhan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di tempat kerja daripada Malaysian Society Of Occupational Safety And Health (MSOSH) diketuai oleh Encik Ku Mahidi bin Ku Alit, penilai kedua Encik Zainuddin bin Zainal telah membuat penilaian sehari melibatkan dokumen, pematuhan di tapak dan sesi temuduga bersama kakitangan serta pemegang taruh.

Tujuan utama penilaian ini bagi mengenalpasti tahap pematuhan KKP Majlis dalam proses kerja harian serta memastikan persekitaran tempat kerja lebih selamat terutamanya dalam cabaran pembangunan masa kini. Sebagai rekod, Majlis telah menerima penganugerahan **Gold Class 1** pada tahun 2021, 2022 dan 2023 dalam penilaian ini dan ianya meletakkan Majlis dalam kategori *very good OSH performances*.

Tahap pengamatan dan pematuhan ini diteruskan dengan sifar kemalangan melibatkan *Lost Time Injury* (LTI) pada tahun 2023 dan membolehkan Majlis menyertai anugerah yang lebih berprestij iaitu **Gold Merit**. Komitmen Majlis dalam membudayakan KKP di tempat kerja ini selaras dengan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara yang telah digariskan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Hasil penilaian dan laporan audit ini juga akan menghasilkan satu rujukan kepada perkhidmatan sedia ada Majlis. Hasil penemuan ini akan diangkat serta ditambah baik dalam mutu perkhidmatan Majlis terutamanya dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta keselamatan orang awam terhadap projek pembangunan Majlis. Semoga dengan komitmen Majlis dalam aspek KKP ini, menjadikan bandaraya Petaling Jaya lebih selamat dan bahagia kepada penduduknya.

## **7. AUDIT PENSIJILAN ISO/IEC 27001:2022 (ISMS) INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM**

Audit Pensijilan Semula dan Naik Taraf kepada ISO/IEC 27001:2022 (ISMS) telah berlangsung pada 28-30 Ogos 2024. Audit Pensijilan Semula bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Elektronik Cukai Taksiran ini melibatkan 4 Jabatan/Unit utama, 5 Jabatan sokongan oleh 4 orang auditor dari SIRIM QAS International Sdn Bhd.

Hasil penemuan audit, terdapat beberapa penambahbaikan perlu diambil seperti memperketatkan lagi kawalan keluar masuk pejabat dan mempertingkatkan tahap pengurusan aset ICT Majlis ke arah lebih baik.

Dengan adanya pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), MBPJ akan sentiasa memastikan tahap keselamatan maklumat yang tinggi dari aspek kerahsiaan, integriti dan ketersediaan pada sistem yang dilaksanakan dan membolehkan tahap keselamatannya dipastikan pada tahap terbaik sepanjang masa.

## 8. MENDEPANI BANDAR RAYA PINTAR

Selaras usaha Kerajaan Negeri dalam membangunkan Smart Selangor, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengambil satu langkah terkehadapan dengan memulakan projek PJ Smart City dan membangunkan PJ Smart Centre ke arah menggalakkan perkembangan Knowledge Economy melalui pembangunan Infrastruktur Pintar (*Smart Infrastructure*), Membangun *Smart People* dan mewujudkan Kerajaan Pintar (*Smart Government*).

PJ Smart Centre merupakan pusat data MBPJ bagi mengurus dan memantau bandar raya Petaling Jaya dengan lebih cekap melalui platform penyimpanan dan pemprosesan data bersepadu dengan menggunakan data-data digital Majlis yang dianalisis secara '*Automated*'. Ia juga merupakan lambang ke arah pengurusan data yang sistematik.

Fungsi PJ Smart Centre dalam menghasilkan pelaporan bagi setiap papan pemuka (dashboard) yang dibangunkan di mini smart centre dalam membantu Majlis membuat sesuatu keputusan dalam perancangan dan pengurusan bandar raya Petaling Jaya. Data yang dihasilkan di mini smart centre akan dipaparkan dan dipantau di pusat data PJ Smart Centre.

Pelaksanaan projek PJ Smart City meliputi keseluruhan jabatan-jabatan dalaman Majlis dan komuniti PJ dalam memberikan input terhadap pembangunan *dashboard* dan pencapaian KPI PJ SSR 2030.

Pelaksanaan Projek PJ Smart City merupakan penyelesaian bersepadu '*Integrated Solution*' menggunakan platform Sistem Maklumat Geografi (GIS) sebagai asas pembangunan aplikasi dalam mengurus bandar raya Petaling Jaya secara pintar, mampan dan berdaya tahan. Sebanyak 64 dashboard dibangunkan yang merangkumi lima sektor utama perkhidmatan Majlis, iaitu Perancangan dan Pembangunan Bandar (City Planning & Development), Pembangunan Komuniti Bandar (City Community Development), Perniagaan Bandar (City Business), Pengurusan Bandar dan Penguatkuasaan (City Management and Enforcement) dan Perkhidmatan Bandar Raya (City Town Services).

Bagi pencapaian bidang pembangunan projek berinovasi, Majlis telah menerima ***Merit Award MIP Planning Excellence Award (MIPPEA) 2018 (PJ SMART CITY Creating A Smart, Sustainable & Resilient City)*** dan ***National Scroll Award (UN Habitat) : Human Settlements dalam "PJ Smart Centre Waste Management Dashboard"***, sempena Majlis Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia 2019.

## 9. JALINAN BANDAR PERSAHABATAN

### 9.1 PERKONGSIAN PENGALAMAN DALAM PELAKSANAAN INISIATIF BANDAR MESRA KANAK-KANAK (INITIATIVE CHILD FRIENDLY CITY)

Hubungan kerjasama dan jalinan persahabatan di antara Bandaraya Petaling Jaya dan Bandar Miyoshi, Saitama, Jepun terus diperkukuhkan apabila MBPJ dijemput menyertai dan membuat persembahan kebudayaan di Festival Miyoshi serta membuat perkongsian dalam pelaksanaan "*Initiative Child Friendly City*" Bandar Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya (CFCI).

Datuk Bandar Miyoshi, Mr. Isao Hayashi turut mengagumi pencapaian cemerlang MBPJ dalam pelaksanaan CFCI di Petaling Jaya sehingga diberi penarafan Bandar Mesra Kanak-Kanak Pertama di Malaysia dan berhasrat mempelajari dengan lebih mendalam inisiatif yang telah dilaksanakan.

Beliau turut berhasrat MBPJ dapat memberi bimbingan dan panduan terperinci kepada Bandar Miyoshi untuk mendapatkan penarafan UNICEF. Pertemuan dan perbincangan erat di antara kedua-dua bandar ini turut diadakan bagi mendorong kepada permulaan yang baik kepada Bandar Miyoshi dalam pemerksaan dan penyertaan kanak-kanak di bandar tersebut.

## **9.2 UNICEF 2ND REGIONAL CHILD FRIENDLY CITIES INITIATIVE MEETING IN EAST ASIA AND PACIFIC TITLED GROWING UP IN CHILD FRIENDLY CITIES**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya merupakan satu-satunya bandar di Malaysia yang menerima penarafan daripada UNICEF sebagai Bandar Mesra Kanak-Kanak (CFCI) yang diperolehi pada 13 Oktober 2023 sebagai platform yang menyediakan peluang dan kemudahan khusus kepada kanak-kanak serta menjadi PBT pertama di Malaysia yang melibatkan golongan kanak-kanak dalam proses perancangan pembangunan melalui Ahli Majlis Kanak-Kanak.

Berdasarkan komitmen dan pencapaian cemerlang yang telah ditunjukkan oleh MBPJ dalam pelaksanaan CFCI, UNICEF telah berbesar hati untuk menjemput Datuk Bandar Petaling Jaya, Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan dan Pegawai CFCI MBPJ untuk menyertai “**UNICEF 2nd Regional Child Friendly Cities Initiative Meeting in East Asia and Pacific : Growing Up in Child Friendly Cities**” yang telah berlangsung pada 23 hingga 26 September 2024 di Shandong Science and Technology Museum, Jinan, Republic of China. MBPJ telah diberi penghormatan untuk menjadi salah seorang ahli panel di dalam *Thematic Discussion* bertajuk “*Child Friendly Governance*”.

Penganjuran ini telah menghimpunkan wakil-wakil UNICEF di seluruh dunia, Pegawai Kerajaan Persekutuan dan Negeri dari seluruh dunia, Datuk Bandar, Agensi Kerajaan dan Pembuat Dasar bagi mempromosikan persekitaran yang selamat, inklusif, sejahtera, mampan dan berdaya tahan di dalam perbandaran serta mewujudkan sistem tadbir urus yang melibatkan golongan kanak-kanak.

### **9.3 MBPJ RANGKUL ANUGERAH BAGI 2024 REGION SMART CITY AWARDS**

*Smart City Expo World Congress (SCEWC) 2024* telah diadakan di Hangzhou, China pada 25-29 September 2024. Tema bagi *Smart City Expo World Congress 2024* di Hangzhou adalah “**CONVERGE! Blooming Our Business In Transition**”.

SCEWC ini telah mendapat sokongan besar daripada pelbagai organisasi dan institusi antarabangsa. Malah, ia turut mendapat sambutan yang hangat dan penglibatan lebih daripada 800 bandar dari 194 negara.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah berjaya mendapat anugerah bagi **2024 Region Smart City Awards** untuk kategori **Best Project (X-SDI) Awards** dengan kedudukan 3 terbaik daripada 29 penyertaan dari seluruh dunia melalui projek "*Digital Petaling Jaya with Smart Centre in Community*".

Matlamat anugerah ini adalah untuk menetapkan penanda aras bagi pembangunan bandar Asia dengan memilih dan mengiktiraf projek, perusahaan dan pemimpin yang cemerlang.

## **10. PENCAPAIAN SUKAN MBPJ 2024**

### **10.1 PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN REMAJA MBPJ**

Dalam mengimbangi arus moden pembangunan dan pembangunan insaniah, Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak terkecuali menjayakan teras-teras sukan kegemaran ramai. Di antara inisiatif Majlis adalah pembangunan sukan remaja bagi mencungkil bakat-bakat baru bawah umur 18 tahun.

Bagi Program Pembangunan Sukan Remaja Hoki, MBPJ telah menyertai pelbagai kejohanan yang dianjurkan oleh pelbagai agensi. Alhamdulillah, hasil kerjasama semangat berpasukan diantara pengurusan dan pemain, beberapa kemenangan, kejayaan dan kecemerlangan telah diraih seperti berikut :

- a)** Piala YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (Muncul Tempat Ketiga)
- b)** Kejohanan Hoki Seteguh Rianz Cup 2024 (Muncul Johan U-12, dan Johan U-17)
- c)** *Junior Hockey League* (Peringkat Suku Akhir)



- d) UTP Panther Cup 2024 (Muncul Naib Johan)
- e) MHC-Royal Sporting Club 6's (Juara U-12)
- f) Kejohanan Hoki Merdeka (Johan U-16)
- g) "PJ Challenge" Piala Datuk Bandar (Naib Johan)

## 10.2 PASUKAN ELIT MBPJ

Bagi Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) pula, pada tahun ini pihak MALA telah mengadakan 4 Fasa pertandingan. **Fasa Pertama** melibatkan sukan hoki 7 sebelah, sepak takraw, dart dan futsal. Untuk kesemua sukan yang dipertandingkan ini, MBPJ terkandas diperingkat suku akhir manakala futsal pula gagal melepasi pusingan ketiga.

Bagi **Fasa Kedua** pula, ianya melibatkan sukan boling padang dan ragbi. Bagi kedua-dua sukan ini, MBPJ terpaksa akur di peringkat suku akhir.

**Fasa ketiga**, ianya melibatkan sukan pingpong, badminton, karom dan *tressure hunt*. Alhamdulillah, Majlis menjadi juara bagi acara badminton, manakala karom MBPJ menjadi pasukan 4 terbaik, kemaraan pingpong tersekat di peringkat suku akhir manakala bagi acara *tressure hunt* di tempat ke-15.

Bagi **Fasa Keempat** akan melibatkan acara sukan bola sepak, bola jaring dan tenpin boling. Kejohanan tersebut dijangka berlangsung pada bulan Oktober dan November 2024.

Selepas mengharungi kesemua acara sukan yang dipertandingkan, kedudukan terkini MBPJ tangga kelima dengan kiraan 24 mata. Saya optimis MBPJ akan meraih kedudukan yang lebih baik lagi dengan baki acara sukan yang akan dipertandingkan di Fasa 4. Sama-sama kita doakan kejayaan buat para atlet kita.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pasukan Bola Sepak Wanita, MBPJ FC kerana telah menjadi juara Piala FA baru-baru ini. Saya mendoakan agar Pasukan Bola Sepak Lelaki MBPJ FC mengambil semangat aura kemenangan skuad wanita ini untuk meraih kejayaan di masa akan datang.

Bagi Pasukan Tenpin Boling pula, Majlis telah menyertai Kejohanan Tenpin Boling MAKSAK Games 2024 dan meraih Johan bagi acara beregu campuran, Naib Johan bagi beregu lelaki dan turut bergelar Naib Johan bagi trio wanita. MBPJ turut menyertai kejohanan anjuran PUSPANITA Negeri Selangor 2024 dan muncul Johan bagi trio berpasukan manakala kategori VIP pula muncul Naib Johan. Tahniah diucapkan.

Pencapaian sukan MBPJ secara keseluruhan yang turut melibatkan acara sukan seperti badminton, futsal, *lawn ball*, boling padang adalah pencapaian yang positif dimana MBPJ berada di landasan yang tepat untuk meraih kecemerlangan dan kegemilangan di masa akan datang. Justeru, saya berharap agar kita bekerja dengan lebih kuat sebagai satu pasukan untuk meraih pelbagai lagi kejayaan di masa hadapan dalam mana-mana kejohanan yang disertai.

#### **11. HARI CUCI MALAYSIA 2024 : PEMBERSIHAN MEGA SELURUH NEGARA PERINGKAT PETALING JAYA**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya menyahut pelawaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi program Hari Cuci Malaysia: Program Pembersihan Mega Sempena *World Cleanup Day*. Inisiatif ini juga seiring dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan MADANI yang berteraskan kepada kemampanan dan kesejahteraan masyarakat.

Program Hari Cuci Malaysia di Petaling Jaya dilaksanakan di 10 kawasan yang meliputi 7 zon Ahli Majlis secara serentak dengan Blok 4,5,6 Desa Mentari 1, PJS 6 di Zon 24 Ahli Majlis, En Farhan Shah Ridzuan sebagai lokasi utama. Kawasan lain yang terlibat adalah **Zon 3** (Pangsapuri Tainia Seksyen 11 Kota Damansara, Gugusan Tanjung Seksyen 6 Kota Damansara, Gugusan Cempaka 1 dan Gerai PPRT Seksyen 8 Kota Damansara), **Zon 5** (SS 21 Damansara Uptown), **Zon 15** (Seksyen 3, Petaling Jaya), **Zon 17** (Pangsapuri Taman Perangsang PJS 1), **Zon 21**

(Jalan SS 5/1, Kelana Jaya) dan **Zon 22** (Taman Tasik Bandaran, Kelana Jaya).

Majlis merakamkan ucapan terima kasih kepada YB. Puan Jamaliah Binti Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam Dan Alam Sekitar Negeri Selangor yang turut meluangkan masa dan bersama-sama menjayakan program di SS 21.

Untuk makluman, **sejumlah 1,176.6 kilogram (Kg)** berjaya dikutip dan pecahan seperti berikut ; **Kertas / Kadboard (201.3 Kg), Botol Plastik (106 Kg), Plastik Sekali Guna (50.5 Kg), Styrofoam (2 Kg), Botol Kaca (121.5 Kg), Tin / Besi (46.8 Kg), Kain / Pakaian Terpakai (34 Kg), Kasut / Selipar Getah (15.2 Kg), e-Waste (14 Kg), Puntung Rokok (77 Kg), Sisa Kebun (330.8 Kg) dan Lain-lain (177.5 Kg).**

## **12. MBPJ KOMITED KEBERSIHAN PREMIS**

Kebersihan premis makanan adalah aspek yang sangat penting dalam memastikan keselamatan dan kualiti makanan yang disajikan kepada pelanggan. Premis makanan merangkumi restoran, kantin, gerai makanan, kilang makanan, dan mana-mana tempat yang menyediakan atau memproses makanan untuk dijual. Berikut adalah beberapa elemen penting dalam menjaga kebersihan premis makanan :

- a) Kebersihan persekitaran premis merangkumi kebersihan lantai dan dinding,
- b) Pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi,
- c) Mempunyai kawalan serangga perosak,
- d) Penutupan sisa makanan,
- e) Kebersihan peralatan dapur dan alat penyediaan makanan,
- f) Penyimpanan makanan yang selamat,
- g) Kebersihan pekerja,
- h) Pengendalian makanan yang betul seperti pemisahan makanan mentah untuk mengelakkan *cross contamination*,
- i) Sistem pembuangan sisa yang efisien,
- j) Kesedaran keselamatan makanan,
- k) Pengawasan dan pemeriksaan kesihatan.

Bagi aktiviti kawalan dan penguatkuasaan premis makanan yang telah dilaksanakan sehingga bulan Ogos 2024, sebanyak 784 buah premis makanan telah diperiksa. Daripada jumlah tersebut, 382 premis makanan telah digredkan A (86 % ke atas). Manakala sebanyak 89 buah premis makanan (11 %) telah ditutup di bawah kesalahan seperti premis tidak sanitasi dan beroperasi tanpa lesen.

### 13. CEGAH AEDES DAN DENGGI

Situasi semasa kes demam denggi bagi kawasan pentadbiran MBPJ yang dilaporkan pada minggu epidemiologi 38/2024 (15/09/2024 – 21/09/2024) adalah sebanyak 108 kes. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang dilaporkan sebanyak 5,547 kes.

Bagi kes demam denggi di 3 PBT Daerah Petaling (1 Januari 2024 sehingga 21 September 2024) adalah, Majlis Bandaraya Subang Jaya (6,730 kes), **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (5,547 kes)** dan Majlis Bandaraya Shah Alam (5,025 kes).

Pada bulan Julai, hasil kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Petaling bersama penduduk, Majlis telah melaksanakan bulan gotong-royong bagi membasmi pembiakan jentik-jentik nyamuk Aedes. Program gotong-royong denggi dijalankan bagi memupuk kesedaran di kalangan orang awam tentang bahayanya denggi terutamanya di kalangan anak-anak kecil. Hasil selepas program gotong-royong membasmi pembiakan jentik-jentik nyamuk Aedes ini, **kadar peratusan penurunan kes denggi adalah 67.28 %** di kawasan *hotspot* dalam tempoh 2 minggu selepas program. Lokasi kawasan adalah seperti berikut :

<b>Bil.</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Kes Sebelum</b>	<b>Kes Selepas</b>
1	Flat Petaling Utama Blok A dan B	7	2
2	Flora Damansara PJU8	59	53
3	Flat Impian Baiduri Seksyen 51A	41	4
4	SS 24 (TAMERA)	12	4
5	Flat PKNS PJS 6/4E	19	2
6	Seksyen 14	24	3
7	Jalan Carey Seksyen 1A	1	0
8	Apartment Permai dan Damai PJU3	12	1
9	Flat Medan 32	30	4
10	Flat Medan Jaya PJS 2	20	8
11	Pelangi Damansara PJU 6 (Blok A,B,C)	19	7
12	SS 5C (Teres)	1	1
13	Flat Desa Ria PJS 5	27	0

Alhamdulillah, pada tanggal 21 September yang lalu, berakhir sudah Sambutan Bulan Kebangsaan 2024 Peringkat Petaling Jaya. Sebanyak 23 acara program yang telah dianjurkan bermula pada 27 Julai sehingga malam kemuncak iaitu Majlis Penutup Program Sambutan Bulan Kebangsaan ke-67 Peringkat Petaling Jaya.

Di kesempatan ini, saya ingin menzahirkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan acara sambutan ini. Penglibatan Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai serta warga MBPJ benar-benar membuktikan bahawa kita semua amat cintakan negara kita, tanah tumpahnya darah kita semua.

Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Saya percaya, segala persediaan, sumbangan idea secara langsung mahupun tidak langsung telah menzahirkan patriotisme kita semua yang cintakan Tanah Air kita, Malaysia.

***Jalur Gemilang Bendera Malaysia,  
Megah dan Gagah Berkibar Setiap Hari,  
Selalulah Kita Berdoa Pada-Nya,  
Supaya Malaysia Aman dan Harmoni.***

**Sekian, terima kasih.**